



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**POLA MASALAH, KECERDASAN EMOSI PELAJAR DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
DI SEKOLAH MENENGAH**

CHIN MEI KEONG

FPP 2007 8



**POLA MASALAH, KECERDASAN EMOSI PELAJAR DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

CHIN MEI KEONG

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

Januari 2007



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**POLA MASALAH, KECERDASAN EMOSI PELAJAR DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK
DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

CHIN MEI KEONG

Januari 2007

Pengerusi : Samsilah Roslan, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji pola masalah yang berkaitan dengan akademik, sosial-psikologikal dan sosio-ekonomi yang mana akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan empat seramai 340 orang (114 lelaki dan 226 perempuan). Di samping itu, tahap kecerdasan emosi pelajar juga dikenalpasti. Kajian turut meninjau hubungan antara pola masalah dengan tahap kecerdasan emosi dan tahap pencapaian akademik pelajar.

Senarai Semak Masalah Mooney dan Soal Selidik Kecerdasan Emosi telah digunakan untuk tujuan kajian. Analisis deskriptif menunjukkan masalah yang paling mengganggu pelajar ialah masalah akademik dan kerjaya (Min=1.38, SP=0.68), diikuti oleh masalah psikologikal (Min=1.09, SP=0.59), dan masalah penyesuaian kerja (Min=1.07, SP=0.58).

Berdasarkan keputusan ujian-t tidak bersandar, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan

pelajar perempuan dalam skor tahap masalah, $t(338)=-2.981$, $p<.05$, dan skor tahap kecerdasan emosi, $t(338)=-4.870$, $p<.05$. Pelajar bandar dan pelajar luar bandar turut menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam skor tahap masalah, $t(338)=-3.914$, $p<.05$. Sebaliknya tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar bandar dan pelajar luar bandar dalam skor tahap kecerdasan emosi iaitu $t(338)=-1.608$, $p>.05$.

Ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang berbeza status sosio ekonomi dalam skor tahap masalah $F(2,337)=1.403$, $p>.05$, dan skor tahap kecerdasan emosi $F(2,337)=1.096$, $p>.05$. Begitu juga antara pelajar yang berbeza etnik dalam skor tahap kecerdasan emosi $F(2,337)=2.840$, $p>.05$. Manakala dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor tahap masalah antara pelajar yang berbeza etnik di mana $F(2,337)=7.879$, $p<.05$.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan jenis masalah yang signifikan antara pelajar yang berbeza tahap pencapaian akademik, $F(2,337)=0.680$, $p>.05$ dan pelajar yang berbeza tahap kecerdasan emosi, $F(2,337)=0.691$, $p>.05$. Selain itu, dengan menggunakan ujian korelasi Pearson dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara skor tahap kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik ($r=.15$, $p<.01$).

Secara ringkasnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar masa kini masih mengalami pelbagai masalah, perbezaan individu harus diambil kira oleh para pendidik kerana latar belakang seseorang individu memainkan peranan dalam pembentukan tingkah laku masalah pelajar. Selain itu, faktor kecerdasan emosi turut menyumbang kepada kejayaan akademik pelajar.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

PATTERN OF STUDENTS' PROBLEM, EMOTIONAL INTELLIGENCE AND IT'S RELATIONSHIP WITH ACADEMIC ACHIEVEMENT IN SECONDARY SCHOOL STUDENTS

By

CHIN MEI KEONG

January 2007

Chairman : Samsilah Roslan, PhD

Faculty : Educational Studies

The objectives of this study were to examine the academic, social-psychological and socio-economic related problems that affect the academic achievement of the 340 (114 male and 226 female) form four secondary students. In addition, their stage of emotional intelligence was also examine. This study also seek to determine the relationship between the students' problems, with their level of emotional intelligence and academic achievement.

The questionnaire comprised Mooney Problem Check List and Emotional Intelligence Inventory. Descriptive analysis showed that the highest problems faced by the students are academic and vocational problems (Mean=1.38, SD=0.68), followed by psychological problems (Mean=1.09, SD=0.59), and adjustment to school work problems (Mean=1.07, SD=0.58).

The t-test showed significant differences between male and female students in the student's problems scores; $t(338)=-2.981$, $p<.05$, and in the



level of emotional intelligence scores; $t(338)=-4.870$, $p<.05$. In addition, the results also showed that there was a significant difference between rural and urban students in their problems scores; $t(338)=-3.914$, $p<.05$. However, results showed that there was no significant difference between rural and urban on their level of emotional intelligence scores; $t(338)=-1.608$, $p>.05$.

The ANOVA test showed that there was no significant difference in the students' problem scores; $F(2,337)=1.403$, $p>.05$ and the student's level of emotional intelligence scores; $F(2,337)=1.096$, $p>.05$ among different socio economy status. The results also showed that there was no significant difference between different ethnic groups in their level of emotional intelligence scores; $F(2,337)=2.840$, $p>.05$. However, results showed that there was a significant difference between difference ethnic groups in the student's problems scores; $F(2,337)=7.879$, $p<.05$.

The results also showed that there was no significant difference found in the students' problems scores among students from different levels of academic achievement; $F(2,337)=0.680$, $p>.05$, and different levels of emotional intelligence $F(2,337)=0.691$, $p>.05$. The results by using Pearson correlation test showed that there was a significant positive relationship between the respondents's academic achievement with the student's level of emotional intelligence scores ($r=.15$ $p <.01$).

In summary, the results of this study showed that at present students are still facing many types of problems. The instructors have to take into

consideration individual differences because the respondents' background play an important role in forming the students' problems. Meanwhile, the emotional intelligence should not be neglected because the results found that emotional intelligence also contributed to students academic success.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr Samsilah Roslan dan Prof Madya Dr Rahil Mahyuddin, atas tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh mereka. Mereka sudi meluangkan masa keemasan untuk membantu saya dalam menyelesaikan masalah yang saya hadapi sepanjang menyiapkan tesis ini. Selain itu, nasihat yang diberikan oleh mereka telah membantu saya dalam membaiki diri dan menyelesaikan masalah untuk menyediakan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada pensyarah Universiti Putra Malaysia, Dr Petri Zabariah, Pn. Maria Chong Abdullah, Tn Haji Naffi Mat yang sudi menolong saya dalam pengesahan soal selidik. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk meragamkan terima kasih kepada pengetua dan guru kaunseling di SMK Hwa Lian Mentakab, SMK Temerloh, SMK Datuk Bahaman Lanchang dan SMK Lanchang kerana telah membantu dan melicinkan proses pengumpulan data.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu saya, yang telah banyak membantu dalam urusan rumah tangga sementara kami suami-isteri melanjutkan pelajaran. Terima kasih yang tak terhingga juga ingin saya rakamkan kepada isteri yang tercinta, Pn. Lim Sai Ping, tanpa sokongan dan bantuan beliau, mustahil saya dapat menyempurnakan tesis ini. Sementara itu, untuk anak-anak kesayangan saya, Man Choong dan Man Yee yang telah banyak saya abaikan

sepanjang tempoh penulisan tesis ini, sikap kerjasama dan memahami mereka turut menyumbang kepada kejayaan saya. Segala pengalaman dan proses yang dialami akan menjadi satu ilmu pengetahuan dan kemahiran saya pada masa depan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi bantuan kepada saya dalam menjayakan penulisan tesis ini. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Chin Mei Keong telah mengadakan peperiksaan akhir pada 23 Januari 2007 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk "Pola Masalah, Kecerdasan Emosi Pelajar dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Di Sekolah Menengah." mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Datin Sharifah Md. Nor, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Habibah Elias, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Tajularipin Sulaiman, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Rosnah Ismail, PhD

Profesor Madya
Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial
Universiti Malaysia Sabah
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor/ Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 27 APRIL 2007

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Samsilah Roslan, PhD

Pensyarah
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rahil Mahyuddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 MEI 2007

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satu telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institut-institut lain.

CHIN MEI KEONG

Tarikh : 19 MAC 2007

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	x
PERAKUAN	xii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xx
GLOSARI	xxi
BAB	
I PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	9
1.3 Pola Masalah Pelajar	15
1.4 Pernyataan Masalah	18
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Persoalan Kajian	23
1.7 Hipotesis Kajian	23
1.8 Kepentingan Kajian	24
1.9 Limitasi Kajian	25
1.10 Definisi Operasional Kajian	
1.10.1 Pola Masalah Pelajar	27
1.10.2 Kecerdasan Emosi	33
1.10.3 Pencapaian Akademik	35
1.10.4 Faktor Demografi	36
1.10.5 Pelajar	38
II SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	39
2.2 Kerangka Teoritikal Kajian	39
2.2.1 Perspektif Behaviorisme	40
2.2.2 Perspektif Kognitif	41
2.2.3 Perspektif Psikoanalisis	43
2.2.4 Perspektif Humanistik	46
2.2.5 Perspektif Psikososial	48
2.2.6 Teori Kecerdasan Emosi Goleman dan Cherniss	49
2.2.7 Rumusan Teori	51
2.3 Asas Teoritikal Kajian	52
2.4 Kerangka Konseptual Kajian	60
2.5 Sorotan Kajian Lepas	
2.5.1 Kajian Tentang Masalah Pelajar	68
2.5.2 Kajian Tentang Hubungan Pencapaian Akademik Dengan Pola Masalah Pelajar	80

2.5.3	Kajian Tentang Kecerdasan Emosi	92
2.5.4	Kajian Tentang Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Pencapaian Akademik	98
2.6	Rumusan	101
III METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	103
3.2	Rekabentuk Kajian	103
3.3	Populasi Kajian	105
3.4	Subjek Kajian	107
3.5	Kaedah Persampelan	109
3.6	Alat Kajian	106
	Bahagian A : Soal Selidik Maklumat Diri	111
	Bahagian B : Maklumat Pencapaian Akademik	112
	Bahagian C : Senarai Semak Masalah Mooney	113
	Bahagian D : Soal Selidik Kecerdasan Emosi	119
3.7	Kajian Rintis	124
3.8	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Alat Kajian	126
3.9	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Senarai Semak Masalah Mooney	128
3.10	Kebolehpercayaan Dan Kesahan Alat Kajian Kecerdasan Emosi	131
3.11	Tatacara Kajian	132
3.12	Penganalisan Data	132
3.13	Kesimpulan	135
IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN		
4.1	Demografi dan Analisis Deskriptif	136
4.1.1	Jantina	137
4.1.2	Etnik	137
4.1.3	Tempat Asal	138
4.1.4	Status Sosio Ekonomi	138
4.1.5	Pencapaian Akademik	139
4.1.6	Tahap Kecerdasan Emosi	140
4.1.7	Pola Masalah Utama	142
4.2	Analisis Inferensi dan Perbincangan	147
4.2.1	Perbezaan Masalah Pelajar Mengikut Jantina	148
4.2.2	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Mengikut Jantina	159
4.2.3	Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Lokasi	173
4.2.4	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Lokasi	184
4.2.5	Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Etnik	194
4.2.6	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Etnik	216
4.2.6	Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut SES	228

4.2.8	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut SES	231
4.2.9	Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Tahap Pencapaian Akademik	235
4.2.10	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Tahap Pencapaian Akademik	238
4.2.11	Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Tahap Kecerdasan Emosi	240
4.2.12	Perbincangan Perbezaan Pola Masalah Keseluruhan Mengikut Tahap Kecerdasan Emosi	245
4.2.13	Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Jantina	252
4.2.14	Perbincangan Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Jantina	255
4.2.15	Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Lokasi	261
4.2.16	Perbincangan Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Lokasi	264
4.2.17	Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Etnik	266
4.2.18	Perbincangan Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut Etnik	272
4.2.19	Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut SES	276
4.2.20	Perbincangan Perbezaan Tahap Kecerdasan Emosi Mengikut SES	281
4.2.21	Hubungan Kecerdasan Emosi Pelajar Dengan Pencapaian Akademik	282
4.2.22	Perbincangan Hubungan Kecerdasan Emosi Pelajar Dengan Pencapaian Akademik	285
4.3	Kesimpulan	290
V	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	
5.1	Rumusan Kajian	294
5.2	Kesimpulan Kajian	300
5.3	Implikasi Teoritikal	303
5.4	Implikasi dan Cadangan Kajian	305
5.4.1	Kementerian Pelajaran Malaysia	305
5.4.2	Pendidik dan Pentadbir Sekolah	308
5.4.3	Kaunselor Sekolah	310
5.4.4	Ibu bapa	313
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	315
5.6	Penutup	317
	BIBLIOGRAFI	319
	LAMPIRAN	335
	BIODATA PENULIS	353

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Lokasi sekolah dan jumlah sampel kajian	110
3.2	Cara pemarkatan pencapaian akademik	112
3.3	Nilai skor tahap pencapaian akademik pelajar keseluruhan	113
3.4	Item-item yang terdapat dalam soal selidik MPCL	118
3.5	Taburan soal selidik berdasarkan markat	118
3.6	Nilai skor masalah dan tahap masalah pelajar	119
3.7	Nilai skor tahap masalah pelajar keseluruhan	119
3.8	Taburan soalan mengikut subskala dalam soal selidik EQ	123
3.9	Taburan soal selidik EQ berdasarkan markat	123
3.10	Nilai skor tahap EQ pelajar mengikut subskala	124
3.11	Nilai skor tahap kecerdasan emosi pelajar keseluruhan	124
3.12	Nilai kebolehpercayaan alat ukur MPCL dan EQ	131
3.13	Pemilihan alat kajian statistik berasaskan skala pengukuran	135
4.1	Profil responden kajian mengikut jantina	137
4.2	Profil responden kajian mengikut etnik	137
4.3	Profil responden kajian mengikut lokasi	138
4.4	Profil responden kajian mengikut status sosio ekonomi	139
4.5	Profil responden kajian mengikut pencapaian akademik	139
4.6	Tahap kecerdasan emosi keseluruhan pelajar	140
4.7	Tahap kecerdasan emosi mengikut konstruk	141
4.8	Pola masalah utama responden	143
4.9	Interpretasi pekali korelasi	148

4.10	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut jantina	149
4.11	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut lokasi	174
4.12	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut etnik	196
4.13	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah Keseluruhan pelajar mengikut etnik	197
4.14	Ringkasan Post Hoc scheffe perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut etnik	198
4.15	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah kesihatan dan fizikal pelajar mengikut etnik	199
4.16	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah kesihatan dan fizikal pelajar mengikut etnik	200
4.17	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah kewangan dan kehidupan pelajar mengikut etnik	201
4.18	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah kewangan dan kehidupan pelajar mengikut etnik	202
4.19	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah sosial dan hiburan pelajar mengikut etnik	203
4.20	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah sosial dan hiburan pelajar mengikut etnik	204
4.21	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah percintaan dan seks pelajar mengikut etnik	205
4.22	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah sosial psikologikal pelajar mengikut etnik	206
4.23	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah sosial psikologikal pelajar mengikut etnik	206
4.24	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah psikologikal pelajar mengikut etnik	207
4.25	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah psikologikal pelajar mengikut etnik	208
4.26	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah moral dan agama pelajar mengikut etnik	209
4.27	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah moral dan agama pelajar mengikut etnik	210

4.28	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah keluarga dan rumah tangga pelajar mengikut etnik	211
4.29	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah keluarga dan rumah tangga pelajar mengikut etnik	211
4.30	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah akademik dan kerjaya pelajar mengikut etnik	212
4.31	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah akademik dan kerjaya pelajar mengikut etnik	213
4.32	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah penyesuaian Kerja pelajar mengikut etnik	214
4.33	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah penyesuaian Kerja pelajar mengikut etnik	215
4.34	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah kurikulum dan kaedah pengajaran pelajar mengikut etnik	216
4.35	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut SES	229
4.36	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut tahap pencapaian akademik	236
4.37	Perbezaan masalah keseluruhan pelajar mengikut tahap EQ	241
4.38	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan masalah kurikulum dan kaedah pengajaran pelajar mengikut tahap kecerdasan emosi	244
4.39	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan masalah kurikulum dan kaedah pengajaran pelajar mengikut tahap kecerdasan emosi	245
4.40	Perbezaan kecerdasan emosi pelajar mengikut jantina	253
4.41	Perbezaan kecerdasan emosi pelajar mengikut lokasi	262
4.42	Perbezaan kecerdasan emosi mengikut etnik	267
4.43	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan kecerdasan emosi Keseluruhan pelajar mengikut etnik	267
4.44	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kawalan diri) pelajar mengikut etnik	268
4.45	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan tahap kecerdasan emosi (kawalan diri) pelajar mengikut etnik	269

4.46	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kesedaran diri) pelajar mengikut etnik	270
4.47	Ringkasan Post Hoc Scheffe perbezaan tahap kecerdasan emosi (kesedaran diri) pelajar mengikut etnik	270
4.48	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (pengurusan emosi) pelajar mengikut etnik	271
4.49	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kemahiran sosial) pelajar mengikut etnik	272
4.50	Perbezaan kecerdasan emosi pelajar mengikut SES	277
4.51	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan kecerdasan emosi keseluruhan pelajar mengikut SES	277
4.52	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kawalan diri) pelajar mengikut SES	278
4.53	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kesedaran diri) pelajar mengikut SES	279
4.54	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (pengurusan emosi) pelajar mengikut SES	280
4.55	Ringkasan ANOVA sehala perbezaan tahap kecerdasan emosi (kemahiran sosial) pelajar mengikut SES	281
4.56	Hubungan pencapaian akademik dengan kecerdasan emosi	283
4.57	Rumusan keputusan ujian-t, ANOVA, dan korelasi Peason (r) bagi setiap hipotesis	291

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.1	Kerangka teoritikal Kajian	60
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	63
4.1	Pola Masalah Utama Responden	143
4.2	Pola Masalah keseluruhan Pelajar Mengikut Jantina	150
4.3	Pola Masalah keseluruhan Pelajar Mengikut Lokasi	175
4.4	Pola Masalah Keseluruhan Pelajar Mengikut Etnik	197
4.5	Pola Masalah Keseluruhan Pelajar Mengikut Status Sosio Ekonomi	230
4.6	Pola Masalah Keseluruhan Pelajar Mengikut Tahap Pencapaian akademik	237
4.7	Pola Masalah Keseluruhan Pelajar Mengikut Tahap Kecerdasan Emosi	242
5.1	Ringkasan kajian	318

GLOSARI

ADK	Akademik dan kerjaya
EQ	Kecerdasan emosi
FIZ	Kesihatan dan fizikal
JKD	Jumlah kuasa dua
KEL	Keluarga dan rumah tangga
KEW	Kewangan dan kehidupan
MKD	Min kuasa dua
MOR	Moral dan agama
MPCL	Mooney Problem Check List
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PGJR	Kurikulum dan kaedah pengajaran
PSI	Psikologikal
SEKS	Perkahwinan dan seks
SES	Status Sosio ekonomi
SOS	Sosial dan hiburan
SP	Sisihan piawai
SPSI	Sosial psikologikal
SPSS	Statistical Package for Social Science
SUAI	Penyesuaian kerja

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Remaja adalah satu peringkat perkembangan transisi dari alam kanak-kanak ke alam dewasa. Peringkat ini dianggap paling tertekan kerana desakan untuk mengenali personal sendiri memuncak, walaupun remaja belum cukup bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai seorang dewasa (Harper dan Marshall, 1991). Pada pertengahan remaja (15-17 tahun) masalah penyesuaian adalah paling ketara kerana tahap kebimbangan yang tinggi berhubung dengan keinginan untuk berdikari dan membentuk identiti sendiri (Harper dan Marshall, 1991).

Ekoran itu, remaja akan mengalami perubahan yang ketara dalam emosi. Keadaan ini adalah berkaitan dengan perubahan secara biologikal, sosial budaya dan psikologikal, dan remaja terpaksa menghadapi pelbagai masalah perkembangan dan banyak keputusan perlu dibuat . Selain itu, mereka perlu merancang untuk kerjaya, mengubahsuai konsep sendiri, kehidupan sosial dan hubungan dengan ibu bapa mereka daripada alam kanak-kanak kepada alam orang dewasa (Alzubaidi,A., Upton,G.,dan Baluch,B.,1998). Dalam proses itu remaja mungkin terjerumus dengan pelbagai masalah emosi yang berpunca daripada perubahan hormon (Steinberg dalam Rohaty, 2001).

Menurut Kaplan (2004), remaja adalah satu peringkat di mana mereka berusaha ke arah mencapai autonomi, misalnya autonomi emosi. Remaja akan mengurangkan pergantungan emosi dengan ibu bapa untuk membentuk hubungan emosi yang lebih rapat dengan orang yang lain.

Wan Abdul Kader (2003) pula menjelaskan bahawa remaja melalui zaman perkembangan yang menarik dan kompleks, selain mengalami pertumbuhan yang pesat dari segi biologi dan fizikal. Mereka juga mula lebih berinteraksi dengan masyarakat dari segi sosial, dan dari segi psikologikal pula, mereka mula menyedari penjelmaan identiti diri yang mahukan kebebasan. Dalam pada itu hubungan dengan keluarga, rakan sebaya dan penerimaan sosial adalah antara faktor yang memainkan peranan penting dalam pembinaan sendiri remaja (Todd dan Kent 2003).

Mullis dan Mullis (1992) berpendapat bahawa remaja mempunyai sensitiviti yang lebih tinggi berkaitan perubahan dan perkara-perkara penting yang berlaku dalam kehidupan mereka. Oleh itu remaja akan mengalami satu peringkat kritikal apabila beralih daripada zaman kanak-kanak kepada alam dewasa di mana persekitaran sekolah, guru dan rakan sebaya turut berubah. Perkara-perkara tersebut akan mempengaruhi imej sendiri remaja secara tidak langsung dan memberi kesan kepada penilaian sendiri remaja.

Rahil Mahyuddin, Maria Chong Abdullah, dan Habibah Elias (2005), pula menyifatkan remaja sebagai satu peringkat perkembangan seseorang dari

zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Pada peringkat ini remaja akan mengalami perubahan fizikal yang ketara berkaitan dengan akil baligh dan juga perubahan kognitif dan sosial yang penting. Menurut Rahil Mahyuddin, Maria Chong Abdullah, dan Habibah Elias, (2005). peringkat remaja bermula dalam lingkungan umur 12 tahun dan berakhir apabila pertumbuhan fizikal sudah berhenti dan individu berupaya berdikari dari segi ekonomi dan sosial pada lingkungan umur 20 tahun.

Piaget (dalam Newman dan Newman, 1995) menjelaskan perkembangan kognitif waktu remaja melibatkan satu peralihan daripada operasi konkrit hinggalah ke operasi formal yang bermula daripada umur 11-15 tahun. Pada tahap ini remaja boleh menggunakan logik bagi memahami persekitarannya dan menyelesaikan masalah. Perkembangan kognitif pada peringkat ini boleh membawa kepada pembentukan personaliti remaja. Di samping itu teori perkembangan psikososial Erikson (1968) telah meletakkan remaja pada tahap kelima di antara lapan tahap perkembangan, iaitu krisis identiti dan kekaburan identiti yang berlaku dalam lingkungan umur 12 – 22 tahun.

Pada peringkat umur ini, remaja dalam konteks negara kita secara umumnya merujuk kepada golongan pelajar sama ada yang berada di sekolah menengah atau di institusi pengajian tinggi yang sedang melalui proses pendidikan formal. Pendidikan merupakan satu proses sosialisasi dan akulturasi (*acculturation*) yang penting (Naimah Ahmad, 1991) . Selain menimba ilmu, pelajar juga berpeluang bersosial dan menyesuaikan diri